

R B512 AAB
MAHATHIR - KAWAN

KUALA TERENGGANU, 13 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PEMBABITAN MALAYSIA DALAM KERJASAMA NEGARA DUNIA KETIGA ATAU SELATAN-SELATAN ADALAH KERANA KESEDARAN KERAJAAN TERHADAP PENTINGNYA +KAWAN SEWAKTU MENGHADAPI SAAT-SAAT GENTING+.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEPERTI JUGA MANUSIA, NEGARA MEMERLUKAN KAWAN YANG RAMAI, KERANA KAWAN BOLEH MENOLONG APABILA SESEORANG ATAU SESEBUAH NEGARA ITU MENGHADAPI MASALAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG DIRAIKAN PADA MAJLIS SAMBUTAN BESAR-BESARAN DI STADIUM NEGERI, DI SINI SEMPENA PENGANUGERAHAN GELARAN +WIRA DUNIA KETIGA+ OLEH PRESIDEN VENEZUELA, CARLOS ANDRES PERES DI CARACAS SEMASA MELAWAT NEGARA ITU, BARU-BARU INI JUGA PERCAYA SELURUH RAKYAT BERSETUJU DENGAN PEMBABITAN KERAJAAN DALAM KERJASAMA ITU.

SAMBIL BERTANYA APAKAH SIKAP MENGETEPIKAN KAWAN ITU SEBAGAI LANGKAH YANG BAIK?, BELIAU BERKATA, TANPA HUBUNGAN DUA HALA YANG RAPAT DAN BAIK SAMA ADA DENGAN NEGARA JIRAN ATAU NEGARA LUAR, MALAYSIA TIDAK MUNGKIN AKAN MENJADI MASYHUR SEPERTI HARI INI.

+APA YANG PENTING DARIPADA PERSAHABATAN ITU, NEGARA KITA MENDAPAT KAWAN YANG AKAN BERSIMPATI TERUTAMANYA APABILA NEGARA KITA MENGHADAPI APA-APA SAHAJA MASALAH,+ KATANYA. -- LAGI
2214MST 13 08 90

R B513 AAB
MAHATHIR - KAWAN 2 KUALA TERENGGANU

MENGENAI GELARAN +WIRA DUNIA KETIGA+ YANG DIBERIKAN OLEH PEMIMPIN VENEZUELA ITU, BELIAU BERKATA IA BUKANLAH UNTUK MAHATHIR SECARA PERIBADI TETAPI ADALAH UNTUK +MALAYSIA+ YANG RAKYATNYA HIDUP MAKMUR, HARMONI SERTA BERSATU PADU.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH MENGENAI SIKAP +TIDAK APA+ YANG MASIH DIAMALKAN OLEH SESETENGAH RAKYAT NEGARA INI YANG MENURUTNYA BOLEH MENYEBABKAN MEREKA MENJADI PASIF DAN TIDAK MEMPUNYAI SEMANGAT UNTUK TERUS MAJU.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU MENGAJAK RAKYAT SUPAYA SEGERA MENGUBAH SIKAP ITU KEPADA SIKAP INGIN TERUS MAJU TANPA MENGHIRAUKAN APA JUA RINTANGAN, SEMATA-MATA UNTUK MENCAPAI KEBAHAGIAAN.

MENGENAI IDEOLOGI SOSIALIS DAN KOMUNIS YANG KINI SUDAH HAMPIR LUMPUH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERSYUKUR KERANA RAKYAT NEGARA INI LANGSUNG TIDAK MENERIMA KONSEP ITU YANG HANYA +SEMAKIN MEMISKINKAN RAKYAT YANG SUDAH SEDIA MISKIN+.

+KALAU DULU ADA JUGA PARTI SOSIALIS RAKYAT MALAYSIA (PSRM) TAPI OLEH KERANA PARTI ITU TIDAK MENDAPAT TEMPAT DI HATI RAKYAT, IA KINI DITUKAR KEPADA PARTI RAKYAT MALAYSIA (PRM), DAN BIARLAH MEREKA TERUS PERAM..SAMPAI BURUK,+ KATANYA DISAMBUT DENGAN TEPUKAN GEMURUH DARIPADA LEBIH 10,000 RAKYAT JELATA YANG MEMBANJIRI STADIUM BERKENAAN. -- LAGI
2216MST 13 08 90

MAHATHIR - KAWAN 3 KUALA TERENGGANU

PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA MAMPU MENJADI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN DISEGANI OLEH DUNIA KERANA KERAJAAN YANG MEMERINTAH HARI INI MENOLAK BULAT-BULAT IDEOLOGI SOSIALIS DAN KOMUNIS.

SEBELUM ITU, DALAM KEADAAN HUJAN LEBAT, PERDANA MENTERI YANG MENAIKI SEBUAH LAND ROVER, DIIRINGI OLEH 200 BUAH MOTOSIKAL DIARAK DARI KOMPLEKS JABATAN KERAJAAN NEGERI WISMA DARUL IMAN, SEJAUH KIRA-KIRA 1.5 KM KE STADIUM NEGERI.

PERARAKAN TERSEBUT MELALUI JALAN TENKU AMPUAN MARIAM, JALAN PEJABAT, JALAN SULTAN ISMAIL DAN JALAN SULTAN MAHMUD TERUS KE STADIUM NEGERI. KIRA-KIRA 3,000 ORANG MURID-MURID SEKOLAH MEMBARISI SEPANJANG JALAN-JALAN YANG DILALUI ITU SAMBIL MENGIBARKAN BENDERA NEGERI DAN MALAYSIA.

SEBAIK-BAIK SAHAJA ROMBONGAN PERDANA MENTERI TIBA DI PINTU PAGAR STADIUM, PUKULAN REBANA UBI DAN KOMPANG DIMULAKAN, DAN DARI SITU DATUK SERI DR MAHATHIR BERJALAN KAKI MENUJU KE STADIUM DENGAN DISAMBUT OLEH 50 ORANG PEMUDA DAN 50 ORANG WANITA YANG JUGA MENGIBARKAN BENDERA NEGERI DAN MALAYSIA.

DI PINTU MASUK STADIUM, PERDANA MENTERI DIPERSEMBAHKAN DENGAN PERTUNJUKAN SILAT OLEH ENAM ANGGOTA PASUKAN SILAT PERGERAKAN PEMUDA UMNO TERENGGANU. -- LAGI

0893

R B517 AAB

MAHATHIR - KAWAN 4 KUALA TERENGGANU

MAJLIS SAMBUTAN BERMULA DENGAN BACAAN AYAT AL-QURAN DAN DISUSULI DENGAN DEKLAMASI SAJAK-SAJAK PATRIOTIK.

SERENTAK DENGAN ITU, 15 ORANG PEMUDA DIKETUAI OLEH ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN MARANG, HAJI ABDUL RAHMAN BAKAR MEMBAWA SEHELAI SELEMPANG BERTULIS +WIRA DUNIA KETIGA+ DAN SEBILAH KERIS PANJANG, MANAKALA 15 WANITA MEMBAWA SEBUAH KITAB AL-QURAN UNTUK DISERAHKAN KEPADA PERDANA MENTERI.

MENTERI BESAR TERENGGANU TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD MENYARUNGAN SELEMPANG BERTULIS +WIRA DUNIA KETIGA+ ITU KEPADA PERDANA MENTERI DAN SERENTAK ITU BERGEMA LAUNGAN +HIDUP MAHATHIR+, +HIDUP MELAYU+ DAN +HIDUP BARISAN NASIONAL+ DARIPADA ORANG RAMAI.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR KELANTAN TAN SRI HAJI MOHAMAD YAACOB, MENTERI BESAR PAHANG TAN SRI KHALIL YAAKOB, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT, MENTERI PENGANGKUTAN DATUK SERI DR LING LIONG SIK, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK SERI DR LIM KENG YAIK DAN MENTERI TENAGA TELEKOM DAN POS, DATUK SERI S. SAMY VELLU. -- BERNAMA

2225MST 13 08 90